

SENI KALIGRAFI ISLAM: SATU RESENSI KOLEKSI PENULISAN DI MUZIUM KESENIAN ISLAM MALAYSIA

ISLAMIC CALLIGRAPHY: A REVIEW OF WRITING COLLECTIONS AT THE ISLAMIC ARTS MUSEUM MALAYSIA

Muhammad Zharif Baharudin¹
Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari²
Ezad Azraai Jamsari³
Anwar Muttaqin^{4*}
Mohd Hafiz Safiai⁵
Md Yazid Ahmad⁶
Raja Muhammad Imran Raja Abdul Aziz⁷
Ammalina Dalillah Mohd Isa⁸

¹ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: zharifbaha@gmail.com)

² Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: mozaha@ukm.edu.my)

³ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: ezad@ukm.edu.my)

⁴ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam & Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: anwar86@ukm.edu.my)

⁵ Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam & Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: hafizsafiai@ukm.edu.my)

⁶ Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: yazid@ukm.edu.my)

⁷ Pusat PERMATA@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: rajaimran@ukm.edu.my)

⁸ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: ammalina@ukm.edu.my)

*Corresponding author: anwar86@ukm.edu.my

Article history

Received date : 4-3-2026
Revised date : 5-3-2026
Accepted date : 1-4-2026
Published date : 8-4-2026

To cite this document:

Baharudin, M. Z., Abul Hassan Ashari, M. Z., Jamsari, E. A., Muttaqin, A., Safiai, M. H., Ahmad, M. Y., Raja Abdul Aziz, R. M. I., & Mohd Isa, A. D. (2026). Seni kaligrafi Islam: Satu resensi koleksi penulisan di Muzium Kesenian Islam Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (81), 675 – 688.

Abstrak: Seni kaligrafi Islam merupakan satu daripada cabang kesenian yang paling signifikan dalam khazanah tamadun Islam, khususnya kerana hubungannya yang intim dengan *al-Qur'an* sebagai wahyu ilahi, di samping mengandungi nilai estetika, simbolisme dan spiritual yang mendalam. Kaligrafi Islam tidak berfungsi semata-mata sebagai medium penulisan teks, bahkan berkembang sebagai suatu bentuk ekspresi visual dan budaya yang mencerminkan kerangka pemikiran, kehalusan estetika serta identiti masyarakat Islam merentas pelbagai ruang dan zaman sejarah. Makalah ini merupakan sebuah kajian Sorotan Literatur Sistemik (SLR) yang memberi tumpuan kepada koleksi kaligrafi Islam yang

didokumentasikan oleh Muzium Kesenian Islam Malaysia (MKIM). Tujuan utama penulisan ini meneliti pengaruh faktor budaya dan geografi terhadap pembentukan gaya kaligrafi dalam koleksi muzium tersebut, di samping menganalisis variasi gaya, bentuk dan pendekatan estetik kaligrafi Islam yang dipamerkan dalam koleksi MKIM. Kajian ini dilaksanakan menerusi pendekatan Sorotan Literatur Sistemik dengan meneliti, menyaring dan menyusun maklumat daripada buku-buku pameran, katalog muzium serta terbitan akademik yang berkaitan secara langsung dengan koleksi kaligrafi MKIM. Hasil kajian mendapati bahawa koleksi kaligrafi Islam di MKIM memperlihatkan kepelbagaian tradisi penulisan Islam yang terbentuk melalui interaksi kompleks antara faktor budaya, wilayah dan kronologi sejarah. Wacana ini sekaligus menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang pembentukan identiti visual Islam melalui seni kaligrafi, serta menegaskan peranan MKIM sebagai institusi rujukan penting dalam usaha pendokumentasian, pemeliharaan dan pendidikan kesenian Islam di Malaysia.

Kata Kunci: Kaligrafi Islam; khazanah Tamadun Islam; Sorotan Literatur Sistemik; Muzium Kesenian Islam Malaysia

Abstract: Islamic calligraphy is one of the most significant branches of art within the heritage of Islamic civilization, particularly due to its intimate connection with the Qur'an as divine revelation, while embodying profound aesthetic, symbolic, and spiritual values. Islamic calligraphy functions not merely as a medium for textual writing but has developed into a form of visual and cultural expression that reflects intellectual frameworks, aesthetic sophistication, and the identity of Muslim societies across diverse spatial and historical contexts. This paper presents a Systematic Literature Review (SLR) focusing on the collection of Islamic calligraphy documented by the Islamic Arts Museum Malaysia (IAMM). The primary objective of this study is to examine the influence of cultural and geographical factors on the formation of calligraphic styles within the museum's collection, alongside an analysis of variations in style, form, and aesthetic approaches exhibited in IAMM's calligraphy holdings. The study was conducted through an SLR approach, involving the identification, screening, and synthesis of information from exhibition catalogues, museum publications, and academic literature directly related to IAMM's calligraphy collection. The findings reveal that IAMM's Islamic calligraphy collection demonstrates a diversity of writing traditions shaped through complex interactions between cultural influences, geographical contexts, and historical chronology. This discourse contributes to a deeper understanding of the formation of Islamic visual identity through calligraphy, while highlighting the role of IAMM as a key institutional reference in the documentation, preservation, and education of Islamic art in Malaysia.

Keywords: Islamic Calligraphy; Heritage of Islamic Civilization; Systematic Literature Review; Islamic Arts Museum Malaysia

Pengenalan

Seni kaligrafi Islam merupakan antara cabang kesenian yang paling awal berkembang dalam tamadun Islam, berakar umbi sejak abad ke-7M seiring dengan penurunan wahyu al-Qur'an dalam bahasa Arab. Keunikan seni ini bukan sahaja terletak pada fungsi penulisan semata-mata, malah turut mencerminkan estetika keagamaan dan budaya Islam yang meluas merentasi pelbagai wilayah seperti Dunia Arab, Parsi, Turki Uthmaniyyah, India Mughal dan Alam Melayu (Ekhtiar, 2018). Menurut Blair (2006), kaligrafi telah menjadi bentuk seni tertinggi dalam Islam kerana huruf Arab dianggap suci dan mempunyai hubungan langsung dengan

kalam Ilahi. Oleh itu, setiap goresan kaligrafi mengandungi makna simbolik dan nilai sakral yang tersendiri. Kepelbagaian gaya dan bentuk kaligrafi seperti Kufi, Naskhi, Thuluth, Diwani dan Nastaliq telah berkembang mengikut konteks geografi dan budaya setempat. Hal ini turut diakui oleh Massoudy (2012) yang menyatakan bahawa pengaruh budaya tempatan memainkan peranan penting dalam membentuk ekspresi visual kaligrafi yang berbeza di setiap wilayah Islam. Di Malaysia, usaha mendokumentasi dan memelihara warisan kaligrafi Islam telah digerakkan secara sistematik oleh institusi seperti Muzium Kesenian Islam Malaysia (MKIM). MKIM bukan sahaja menghimpunkan pelbagai koleksi kaligrafi dari seluruh dunia Islam, malah turut menerbitkan bahan ilmiah yang memperlihatkan evolusi gaya, fungsi dan nilai estetika seni khat, daripada tradisi klasik hingga ke manifestasi kontemporari.

Sehubungan dengan itu, penulisan ini dijalankan bagi meneliti pengaruh budaya dan geografi terhadap gaya kaligrafi dalam koleksi yang dipamerkan oleh MKIM, di samping menganalisis variasi gaya dan bentuk kaligrafi Islam yang didokumentasikan menerusi pelbagai penerbitan pameran serta katalog muzium. penulisan ini memfokuskan kepada aspek visual, sejarah, dan konteks budaya dalam pemahaman seni kaligrafi Islam. Antara bentuk kaligrafi yang akan diterokai termasuk skrip Kufi Timur, Diwani, Sini dan juga kaligrafi moden seperti kaligrafi cermin (muthanna) dan eksplorasi multimedia moden. Melalui pendekatan Sorotan Literatur Sistematik (SLR), penulisan ini bertujuan memberikan gambaran yang komprehensif mengenai dinamika dan kesinambungan seni kaligrafi Islam sebagai manifestasi kerohanian dan identiti budaya umat Islam di peringkat Antarabangsa.

Pernyataan Masalah

Garapan Ekhtiar (2018) melalui makalah *How to Read Islamic Calligraphy* menegaskan bahawa seni kaligrafi Islam tidak seharusnya ditanggapi sebagai hiasan visual semata-mata, sebaliknya perlu difahami sebagai suatu disiplin seni yang sarat dengan makna simbolik, keagamaan dan kebudayaan. Menurut beliau, kaligrafi berfungsi sebagai wahana representasi spiritual dan pembentukan identiti budaya umat Islam, di samping mencerminkan hubungan organik antara ekspresi artistik, tradisi keilmuan dan nilai-nilai kerohanian dalam tamadun Islam. Kepelbagaian gaya tulisan seperti Kufi, Thuluth, Naskhi dan Diwani yang terakam dalam manuskrip dan artifak sejarah memperlihatkan bagaimana wahyu ditafsir dan dizahirkan secara visual merentas ruang geografi dan zaman yang berbeza, sekali gus membentuk suatu tradisi estetik yang dinamik dan berlapis makna. Walau bagaimanapun, meskipun kajian-kajian terdahulu telah menggariskan kedudukan kaligrafi Islam sebagai seni tertinggi dalam tradisi Islam serta menekankan kepelbagaian gaya dan bentuknya, penelitian yang bersifat sistematik terhadap pengaruh silang antara faktor budaya dan geografi dalam pembentukan gaya kaligrafi, khususnya berdasarkan koleksi institusi muzium yang masih relatif terhad. Keadaan ini menyebabkan pemahaman terhadap kaligrafi Islam sering terhenti pada tahap deskriptif, tanpa analisis yang mendalam terhadap konteks sosio-budaya dan ruang peradaban yang melatari kemunculan sesuatu gaya tulisan.


Dalam konteks Malaysia, Barakat (2016) melalui *Introduction to Islamic Arts Calligraphy* menjelaskan bahawa koleksi kaligrafi Islam yang didokumentasikan oleh Muzium Kesenian Islam Malaysia (MKIM) memperlihatkan kesinambungan seni khat daripada era klasik hingga ke era kontemporari. MKIM bukan sahaja berfungsi sebagai ruang pameran artifak, malah memainkan peranan strategik sebagai pusat dokumentasi, pendidikan dan pemeliharaan kesenian Islam pada skala antarabangsa. Namun demikian, kekayaan koleksi ini masih belum dianalisis secara menyeluruh sebagai suatu sumber data ilmiah untuk memahami bagaimana latar budaya, wilayah dan tradisi setempat mempengaruhi pembentukan gaya, bentuk dan

ekspresi kaligrafi Islam yang dipamerkan oleh institusi tersebut. Bertitik tolak daripada jurang kajian ini, penulisan ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan Sorotan Literatur Sistemik (SLR) bagi meneliti secara kritis pengaruh faktor budaya dan geografi terhadap gaya kaligrafi Islam dalam koleksi MKIM. Di samping itu, penulisan ini turut menganalisis variasi gaya dan bentuk kaligrafi Islam sebagaimana yang didokumentasikan dalam penerbitan rasmi MKIM, termasuk katalog pameran, buku koleksi dan kajian akademik terpilih. Dengan demikian, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam dan berstruktur tentang kepelbagaian tradisi kaligrafi Islam, serta menegaskan peranan MKIM sebagai institusi penting dalam memelihara, mentafsir dan memperkukuh warisan seni Islam dalam wacana kesenian di peringkat antarabangsa.

Metodologi

Makalah ini menggunakan pendekatan *Sorotan Literatur Sistemik* (SLR) dengan berpandukan garis panduan *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses* (PRISMA). Kaedah ini digunakan bagi menganalisis sumber-sumber ilmiah dan koleksi penerbitan berkaitan kaligrafi Islam yang diperoleh daripada Muzium Kesenian Islam Malaysia (MKIM). Fokus kajian tertumpu kepada penerbitan rasmi seperti katalog pameran, buku koleksi, serta penerbitan akademik yang membincangkan gaya, bentuk, fungsi dan perkembangan kaligrafi Islam yang terdapat dalam koleksi MKIM. Bagi mendapatkan data yang relevan, dua kaedah pengumpulan sumber telah digunakan. Pertama, carian data dilakukan melalui sistem *Online Public Access Catalog* (OPAC) yang disediakan oleh Scholar's Library, MKIM. Kedua, proses pencarian dilakukan secara fizikal di rak-rak koleksi bacaan yang terdapat dalam perpustakaan tersebut. Proses ini melibatkan pemilihan bahan secara *handpicking* berdasarkan penilaian awal terhadap tajuk, pengarang, dan isi kandungan berkaitan dengan topik kaligrafi Islam.

Kata kunci bagi carian pertama ialah kaligrafi Islam yang menggunakan kombinasi kata kunci 'Calligraphy' dan 'Islam'. Berdasarkan kata kunci ini, terdapat sebanyak 56 koleksi data yang diperoleh melalui sistem *Online Public Access Catalog* (OPAC) di Scholar's Library, MKIM. Seterusnya, carian kedua menggunakan kombinasi kata kunci 'Islamic' dan 'Calligraphy' memberikan sebanyak 38 koleksi data. Bagi mendapatkan hasil carian yang lebih khusus, pembentukan *search string* digunakan dengan mengaplikasikan fungsi *field code*, *phrase searching* dan *boolean operator* seperti AND dalam proses pencarian. Hasilnya, apabila digabungkan dengan kata kunci 'Art', pencarian dengan *search string* 'Art' AND 'Calligraphy' AND 'Islam' memberikan sejumlah 41 koleksi data yang berkaitan dengan seni kaligrafi Islam. Fasa kedua melibatkan pencarian secara fizikal menerusi rak-rak koleksi bacaan di Scholar's Library, MKIM. Kaedah *handpicking* digunakan untuk meneliti secara langsung tajuk, sinopsis dan kandungan bahan yang dipamerkan di rak bagi memastikan tidak ada bahan penting yang terlepas dalam carian digital. Hasil daripada kedua-dua kaedah ini (carian OPAC dan rak fizikal), berjaya menambah bilangan 41 kepada 62 koleksi data. Walau bagaimanapun, proses saringan lanjut tetap diperlukan bagi memastikan semua bahan benar-benar menepati skop kajian, khususnya berkaitan gaya, bentuk dan pengaruh budaya serta geografi dalam seni kaligrafi Islam. Oleh itu, daripada jumlah keseluruhan 62 koleksi data, proses *screening* dan *eligibility* telah dijalankan, dan hasilnya hanya 25 koleksi data dikenal pasti sebagai benar-benar relevan dan dijadikan sebagai sumber utama kajian ini. Menerusi fasa ini, hanya data yang menjawab persoalan kajian sahaja yang diambil manakala selebihnya tidak direkodkan sebagai data yang relevan kerana tidak membincangkan secara berfokus mengenai kesenian kaligrafi tamadun Islam. Proses saringan dan tapisan koleksi data seperti Rajah 1 di bawah.



Rajah 1: Proses Saringan Koleksi Data

Berdasarkan Rajah 1, proses saringan koleksi data telah digambarkan melalui dua carta pai yang memaparkan pecahan jumlah data yang diperoleh dan ditapis bagi penulisan berkaitan kesenian kaligrafi tamadun Islam. Carta pai pertama menunjukkan jumlah keseluruhan koleksi data belum ditapis adalah sebanyak 62 data, yang merangkumi hasil pencarian daripada dua sumber utama iaitu OPAC (41 data) dan rak koleksi bacaan (21 data). Carta pai kedua pula menunjukkan hasil saringan yang telah dibuat daripada data OPAC, dengan sebanyak 25 data telah ditapis dan digunakan bagi tujuan kajian ini. Proses ini penting dalam memastikan hanya data yang berkualiti, relevan dan memenuhi kriteria kajian dimasukkan dalam analisis. Oleh yang demikian, sebanyak 25 koleksi data yang telah disaring ini kemudiannya dikelaskan mengikut tiga tema utama yang disesuaikan dengan persoalan kajian. Tema pertama bertujuan menjawab persoalan mengenai “Bagaimanakah sejarah perkembangan kaligrafi Islam?”. Tema kedua pula berkait dengan persoalan “Apakah bentuk dan gaya kaligrafi yang berkembang dalam tamadun Islam?”. Manakala tema ketiga menyentuh aspek “Sejauh manakah peranan dokumentasi dan penerbitan kaligrafi Islam oleh MKIM?”. Ketiga-tiga tema ini dibentuk berdasarkan analisis SLR (Systematic Literature Review) terhadap data yang diperoleh daripada Scholar’s Library, MKIM, sekaligus menyokong objektif kajian secara menyeluruh.

Dapatan Kajian

Berdasarkan kata kunci ‘art’ AND ‘Calligraphy’ AND ‘Islam’ yang digunakan menerusi sumber data Scholar’s Library, MKIM, sebanyak 41 koleksi data telah dikenal pasti dan ditapis menjadi 26 koleksi yang relevan dengan skop kajian. Koleksi-koleksi ini terdiri daripada pelbagai bentuk penerbitan seperti katalog pameran, buku koleksi, dan monograf akademik yang menumpukan perhatian terhadap aspek gaya tulisan, perkembangan sejarah, konteks budaya dan geografi serta ekspresi kontemporari dalam kaligrafi Islam. Jadual 1 dan Jadual 2 di bawah menunjukkan hasil dapatan yang telah diklasifikasikan mengikut trend tahun penerbitan dan kategori tema utama berkaitan kaligrafi Islam dalam koleksi MKIM. Statistik penerbitan data menunjukkan kesinambungan dan keabsahan intelektual kesenian tamadun Islam era Safawiyyah apabila penerbitan direkodkan hampir setiap dekad bermula dari tahun 1971 hingga 2023. Oleh sebab data diperoleh menerusi Scholar’s Library, MKIM, dapat dirumuskan bahawa terdapat usaha berterusan dan sistematik oleh pihak MKIM dalam mengumpul serta mendokumentasikan bahan berkaitan kesenian kaligrafi tamadun Islam pada era tersebut.

Jadual 1: Koleksi Data Mengikut Tahun Terbit dan Sumber Data

Sumber Data/ Tahun Penerbitan	OPAC Scholar's Library, MKIM	Koleksi Rak Fizikal Perpustakaan MKIM	Jumlah
1971-1980	1	1	2
1981-1990	1	0	1
1991-2000	0	4	4
2001-2010	0	7	7
2011-2020	2	8	10
2021-2025	0	1	1

Analisis Jadual 1 menunjukkan taburan penerbitan dan dokumentasi koleksi kaligrafi Islam di Muzium Kesenian Islam Malaysia (MKIM) merentasi tempoh 1971 hingga 2025. Secara keseluruhan, jumlah penerbitan yang direkodkan adalah 25 unit, yang diperolehi melalui dua sumber utama iaitu OPAC Scholar's Library dan koleksi rak fizikal di Perpustakaan MKIM. Bagi dekad awal (1971-1980), terdapat dua penerbitan yang dicatat, masing-masing satu unit melalui OPAC dan rak buku fizikal. Keadaan ini menandakan usaha awal pendokumentasian masih bersifat terhad dan sporadik, namun sudah menzahirkan minat institusi terhadap pemeliharaan koleksi kaligrafi. Dalam tempoh 1981-1990, bilangan penerbitan menurun sedikit kepada satu unit sahaja, yang direkod melalui OPAC, manakala rak fizikal tidak mencatat sebarang penerbitan. Hal ini mungkin mencerminkan kekangan sumber atau penekanan institusi terhadap pengumpulan dokumen pada dekad tersebut. Pada 1991-2000, bilangan penerbitan meningkat kepada empat unit, kesemuanya melalui rak buku fizikal, manakala tiada rekod dalam OPAC. Trend ini berterusan dan bertambah signifikan pada 2001-2010, dengan tujuh penerbitan di rak buku, menandakan peralihan fokus institusi kepada pendokumentasian yang lebih sistematik melalui medium fizikal.

Dekad 2011-2020 memperlihatkan peningkatan yang paling ketara, iaitu sepuluh penerbitan, dengan dua rekod melalui OPAC dan lapan melalui rak buku fizikal. Fenomena ini menunjukkan kematangan institusi dalam menggabungkan kedua-dua medium dokumentasi, mencerminkan kesedaran terhadap kepentingan digitalisasi dan aksesibiliti maklumat koleksi kaligrafi Islam kepada penyelidik dan masyarakat umum. Bagi tempoh 2021-2025, jumlah penerbitan menurun kepada satu unit sahaja melalui rak buku fizikal, dan tiada rekod dalam OPAC. Keadaan ini mungkin mencerminkan kesan penangguhan projek dokumentasi atau kesan pandemik terhadap aktiviti penerbitan institusi. Secara keseluruhan, jadual ini membuktikan trend peningkatan pendokumentasian yang progresif sejak tahun 1991, dengan puncak pada dekad 2011-2020. Walaupun bilangan penerbitan pada dekad awal adalah rendah, usaha ini menandakan langkah awal MKIM dalam menstrukturkan koleksi kaligrafi Islam. Data ini juga menekankan kepentingan institusi dalam pemeliharaan warisan seni Islam, terutama dalam mengimbangi medium fizikal dan digital, sambil menyediakan asas bagi kajian lanjut mengenai pengaruh budaya, geografi dan konteks sejarah terhadap koleksi kaligrafi yang dipamerkan.

Jadual 2: Pembahagian Kategori Bentuk Penerbitan Koleksi Data

Kategori / Tahun Penerbitan	Prosiding	Pameran	Penulisan Ilmiah	Katalog	Koleksi	Album
1971-1980			2			
1981-1990				1		
1991-2000		1	1		2	
2001-2010			5	2		
2011-2020		1	6	1	1	1
2021-2023		1				

Berdasarkan Jadual 2 pula, dapat dilihat sebanyak 25 koleksi data telah dikumpul dan dibahagikan kepada enam kategori berdasarkan bentuk penerbitan koleksi data. Kategori prosiding mencatatkan sifar penerbitan. Bagi kategori pameran pula, terdapat tiga penerbitan yang berlaku pada 1994 dan antara tahun 2011 hingga 2023. Sementara itu, kategori penulisan ilmiah mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 14 penerbitan secara keseluruhan yang tersebar dari tahun 1971 hingga 2020, dengan peningkatan ketara pada dekad 2011 sehingga 2020 yang mencatatkan enam penerbitan. Selain itu, kategori katalog menunjukkan empat penerbitan yang berlaku pada tahun 1981 hingga 2020. Dalam kategori koleksi pula merekodkan sebanyak tiga penerbitan iaitu dua penerbitan pada tahun 1991-2000 dan satu penerbitan pada tahun 2011-2020. Manakala bagi kategori album pula, terdapat satu penerbitan sahaja yang dicatatkan pada tahun 2011-2020. Oleh yang demikian, data ini menunjukkan bahawa bentuk penerbitan penulisan ilmiah mendominasi koleksi yang dikumpulkan, diikuti oleh katalog dan koleksi muzium, manakala kategori lain lebih bersifat pelengkap dan menyokong bentuk dokumentasi dalam kajian kaligrafi Islam. Seterusnya kategori ini akan dikelaskan mengikut tema yang bersesuaian sebagaimana di dalam **Jadual 3** di bawah.

Jadual 3: Koleksi Data yang Dibahagikan mengikut Tema

Bil	Penulis & Tahun	Sejarah Kaligrafi Islam	Gaya dan Bentuk Kaligrafi Islam	Penerbitan & Dokumentasi oleh MKIM
1	Barakat (2023)		✓	✓
2	Akın-Kıvanç (2020)	✓		
3	Meidani (2020)		✓	
4	Ekhtiar (2018)		✓	
5	Hamdy (2018)		✓	
6	Butler-Wheelhouse Andrew (2017)	✓	✓	
7	Barakat (2016)	✓	✓	✓
8	Verma dan Syed Iskandar (2013)		✓	✓
9	Gharipour dan Schick (2013)	✓		
10	Massoudy (2012)		✓	
11	Siddiqui (2012)	✓	✓	
12	McWilliams dan Roxburgh (2007)	✓		

13	Serikoff (2007)		✓	
14	Blair (2006)	✓	✓	
15	Tamimi (2003)		✓	
16	Ghani Alani (2001)		✓	
17	Mandel Khan (2001)		✓	
18	Khatibi dan Sijelmassi (2001)	✓	✓	
19	al-Hakim et al. (1999)	✓		
20	Karimzadeh Tabrizi (1999)	✓		
21	Derman et al. (1995)		✓	✓
22	Honda (1994)	✓		
23	Musée d'art et d'histoire (1988)	✓		
24	Khatibi dan Sijelmassi (1976)	✓	✓	
25	Grube (1976)	✓	✓	

Berdasarkan Jadual 3, sebanyak 25 sumber ilmiah telah dikenal pasti, memberikan gambaran menyeluruh mengenai penerbitan kaligrafi Islam dalam konteks sejarah, gaya dan bentuk, serta dokumentasi institusi muzium. Analisis tema menunjukkan bahawa kajian mengenai gaya dan bentuk kaligrafi Islam mendominasi, dengan 18 daripada 25 sumber memberi tumpuan khusus kepada aspek visual, struktur huruf dan ekspresi artistik. Antara penulisan penting dalam kategori ini termasuk Meidani (2020), Hamdy (2018), Tamimi (2003), Serikoff (2007) dan Massoudy (2012). Penerbitan ini menunjukkan kesinambungan minat akademik terhadap estetika dan tipologi kaligrafi Islam, dengan peningkatan ketara dalam terbitan sejak tahun 1995 hingga 2023, mencerminkan fokus berterusan terhadap dimensi formal dan kreatif seni khat. Dalam kategori sejarah kaligrafi Islam, sejumlah 14 sumber membincangkan perkembangan kronologi dan transformasi tradisi penulisan Islam, merentasi wilayah dan zaman. Penulisan oleh Akın-Kıvanç (2020), Gharipour dan Schick (2013), McWilliams dan Roxburgh (2007), Blair (2006), serta Khatibi dan Sijelmassi (2001; 1976) menekankan konteks evolusi kaligrafi dari era klasik hingga kontemporari. Analisis kronologi dapatan ini memperlihatkan bahawa kajian sejarah kaligrafi Islam menekankan kesinambungan tradisi, transformasi stylistik dan interaksi budaya merentasi wilayah seperti Dunia Arab, Parsi, Turki Uthmaniyyah dan Alam Melayu, sekaligus menonjolkan kepelbagaian interpretasi visual terhadap wahyu Islam.

Sementara itu, kajian yang memberi fokus kepada penerbitan dan dokumentasi koleksi oleh Muzium Kesenian Islam Malaysia (MKIM) relatif terhad, dengan hanya empat sumber dikesan: Barakat (2023), Barakat (2016), Verma dan Syed Iskandar (2013), dan Derman et al. (1995). Walaupun bilangan ini kecil, penerbitan tersebut menunjukkan kepentingan strategik MKIM sebagai institusi dokumentasi, pemeliharaan dan pendidikan kesenian Islam. Tema ini menekankan bagaimana institusi muzium berperanan dalam mengekalkan kesinambungan tradisi kaligrafi dan memperkukuh pemahaman terhadap identiti visual Islam dalam konteks Antarabangsa. Analisis keseluruhan dapatan menunjukkan beberapa pola penting; pertama, penekanan utama kajian adalah terhadap aspek bentuk dan gaya kaligrafi, menunjukkan bahawa pengkaji lebih tertarik kepada analisis visual dan struktur tipologi. Kedua, penulisan sejarah kaligrafi berfungsi sebagai kerangka kontekstual untuk memahami evolusi dan kesinambungan tradisi, namun jumlahnya sedikit berbanding kajian estetika. Ketiga, penerbitan dokumentasi institusi tempatan, khususnya MKIM, masih terbatas, tetapi menimbulkan peluang signifikan

bagi penyelidikan masa depan untuk mengkaji peranan muzium dalam pemeliharaan, interpretasi dan pendidikan kesenian Islam.

Latar Belakang Kaligrafi Islam

Seni kaligrafi merupakan salah satu warisan intelektual dan epistemik terpenting dalam sejarah peradaban Islam. Sejak kemunculan Islam pada abad ke-7M, tulisan Arab telah mencapai status yang unik, terutamanya kerana peranannya dalam merakam wahyu Illahi al-Qu'ran. Sebelum kedatangan Islam, bahasa Arab tidak mempunyai bentuk tulisan yang padat dan dipecah-pecah menjadi pelbagai dialek, yang sangat dipengaruhi oleh bahasa Arab dan Syria (Aslan, 2019). Kaligrafi Islam tidak muncul sebagai cabang seni sekunder, tetapi berkembang sejajar dengan fungsi agama dan peradaban umat Islam. Hal ini kerana dalam Islam, tulisan bukan sekadar alat komunikasi, bahkan dijadikan simbol kekudusan dan ketinggian makna rohani yang diungkapkan melalui struktur huruf dan susunannya. Perkembangan awal kaligrafi Islam dapat dijejaki melalui tulisan Kufi, iaitu gaya penulisan blok yang digunakan secara meluas dalam penyalinan al-Qur'an pada awal kurun Islam. Gaya ini kemudian mengalami perubahan dan perkembangan kepada bentuk tulisan yang lebih halus dan fleksibel seperti Naskhi, Thuluth, Diwani, dan Nastaliq, selari dengan keperluan penulisan harian, pentadbiran dan seni ukiran. Garapan Blair (2006), setiap gaya ini muncul dalam konteks budaya dan wilayah yang berbeza misalnya gaya Diwani yang berkembang dalam lingkungan istana Uthmaniyyah, dan gaya Nastaliq yang meluas di wilayah Iran dan Asia Selatan. Justeru, kaligrafi Islam merupakan seni yang bersifat 'transregional' dan 'trans sejarah', mencerminkan interaksi budaya antara wilayah-wilayah utama dunia Islam.

Selain daripada peranan artistik, kaligrafi Islam juga berfungsi sebagai ekspresi kerohanian yang tinggi. Menurut Ekhtiar (2018) dan Massoudy (2012), setiap goresan huruf dianggap sebagai satu bentuk ibadah, justeru penulisan kaligrafi menuntut kekhayusan dan penghayatan terhadap makna teks yang ditulis. Kaligrafi tidak terhad kepada penyalinan al-Qur'an semata-mata, malah berfungsi sebagai ungkapan seni penting di pelbagai media, termasuk seni bina, tekstil, seramik dan mata wang. Bentuk seni ini telah berkembang untuk mewujudkan dimensi artistik dan rohani, mencerminkan identiti dan nilai budaya Islam (Khatibi & Sijelmassi: 2001; Atika & Ginting, 2024). Bahkan dalam konteks seni bina, kaligrafi menghiasi dinding masjid, gerbang istana, dan menara dengan ayat-ayat suci atau syair sufi, menjadikan huruf sebagai penanda visual kepada kehadiran Tuhan dalam ruang fizikal manusia. Tokoh-tokoh penting dalam sejarah kaligrafi seperti Ibn Muqla dan Ya'qub al-Musta'simi memainkan peranan besar dalam menstrukturkan prinsip-proporsi dan standardisasi bentuk huruf. Sistem nisbah Ibn Muqla dalam kaligrafi Arab menunjukkan hubungan rumit antara geometri dan harmoni visual, yang menjadi asas dalam seni Islam. Kaedahnya menekankan surat 'Alif sebagai titik rujukan untuk perkadaran, mewujudkan rangka kerja yang mempengaruhi reka bentuk semua huruf berikutnya melalui prinsip geometri (Yaghan, 2020). Sistem ini kemudiannya menjadi asas kepada pengajaran kaligrafi di madrasah dan bengkel penulisan. Tradisi ijazah atau pengiktirafan bertulis daripada guru kepada murid turut membuktikan bahawa kaligrafi bukan sahaja seni, tetapi juga satu bentuk ilmu yang diwariskan secara formal. Ini menegaskan kedudukan kaligrafi sebagai warisan intelektual Islam yang mendalam.

Dalam Malaysia, kaligrafi Islam telah menerima perhatian serius sebagai warisan budaya yang perlu didokumentasikan dan dipelihara. Usaha ini dapat dilihat melalui peranan aktif Muzium Kesenian Islam Malaysia (MKIM), yang ditubuhkan pada tahun 1998. MKIM menghimpunkan koleksi seni kaligrafi dari pelbagai negara Islam, termasuk manuskrip klasik, panel kayu, ukiran logam, dan karya kontemporari yang menggabungkan pendekatan moden dengan akar

tradisional. Penerbitan seperti *Nun Wa Al Qalam* (2013), *Introduction to Islamic Arts Calligraphy* (2016), dan *The Diwani-Jaly Diwani-Riq'a Mashqs* (2003) merupakan antara dokumentasi penting yang memaparkan koleksi kaligrafi dari aspek sejarah, teknikal, dan kuratorial. Hal ini bukan sahaja mencerminkan nilai seni, tetapi juga membuktikan peranan institusi seperti MKIM dalam mendidik masyarakat tentang kesinambungan tamadun Islam melalui seni tulisan. Seiring dengan cabaran modernisasi dan globalisasi, seni kaligrafi Islam kini turut berkembang dalam bentuk baharu yang lebih eksperimental dan rentas media. Kaligrafi kontemporari tidak lagi terikat sepenuhnya dengan fungsi keagamaan, tetapi menjadi medium ekspresi identiti, estetika dan kejiwaan dalam konteks semasa. Seniman modern dari negara-negara Islam, termasuk Malaysia, telah mengintegrasikan kaligrafi tradisional secara inovatif dengan teknik kontemporari dan teknologi digital. Di Malaysia, gabungan tradisi Islam, Melayu dan Barat telah mempengaruhi perkembangan kaligrafi Islam dalam seni kontemporari. Gabungan ini terbukti dalam karya-karya artis seperti Mastura Abdul Rahman dan Haron Mokhtar, yang menggabungkan unsur-unsur seni Islam seperti skrip 'Thuluth' dan motif tradisional Melayu, yang mencerminkan identiti budaya yang unik (Hamidon, 2012; Abdullah et al., 2021). Namun demikian, semua bentuk ini tetap berakar pada prinsip keindahan huruf dan penghormatan terhadap makna teks, menjadikan kaligrafi Islam sebagai seni yang sentiasa relevan dan dinamik. Secara holistik, latar belakang kaligrafi Islam memperlihatkan satu kesinambungan sejarah yang kaya dan pelbagai, berakar dari sumber wahyu, berkembang melalui tokoh dan institusi, serta dipelihara dan dikembangkan oleh pelbagai pihak termasuk institusi seperti MKIM. Kaligrafi bukan sahaja mencerminkan nilai seni Islam, tetapi juga menggambarkan kekuatan hubungan antara ilmu, budaya dan ketuhanan dalam tamadun Islam dari masa silam hingga ke hari ini.

Gaya dan Bentuk Kaligrafi Islam

Kaligrafi Islam memiliki pelbagai gaya dan bentuk penulisan huruf Arab yang berkembang berdasarkan keperluan fungsi, konteks budaya, serta pengaruh geografi dalam dunia Islam. Setiap gaya kaligrafi memperlihatkan kehalusan teknik, prinsip harmoni, dan keseimbangan visual yang tersendiri, menjadikan kaligrafi bukan sahaja sebagai seni tulisan, tetapi juga sebagai lambang identiti estetik dan kerohanian. Perbezaan gaya ini terhasil daripada evolusi sejarah serta keperluan fungsi, sama ada untuk penyalinan al-Qur'an, ukiran seni bina, dokumen rasmi, ataupun karya seni kontemporari. Gaya tulisan Kufi merupakan bentuk terawal dalam sejarah kaligrafi Islam. Ia dicirikan oleh bentuk yang bersegi, linear dan berstruktur geometri, serta digunakan secara meluas dalam penyalinan mushaf al-Qur'an pada abad ke-7 hingga ke-10M. Gaya ini turut dihias dengan motif geometri dan tumbuh-tumbuhan, menjadikannya bentuk kaligrafi yang dominan dalam seni bina dan seni hiasan awal Islam, khususnya di Dunia Arab dan Afrika Utara. Bentuk Kufi Klasik kemudian melahirkan variasi seperti Kufi Bercabang, Kufi Berjalur dan Kufi Berhias, yang memperlihatkan usaha seniman untuk menggabungkan bentuk huruf dengan reka corak yang artistik.

Selain itu, gaya Naskhi merupakan antara bentuk tulisan yang paling meluas digunakan dalam penyalinan manuskrip al-Qur'an dan bahan ilmiah. Naskhi diperkenalkan secara sistematik oleh Ibn Muqla dan disempurnakan oleh Yaqut al-Musta'simi, dengan menekankan prinsip-proporsi berasaskan titik dan garis tegak. Tulisan ini bersifat bulat, mudah dibaca, dan mempunyai rentak penulisan yang stabil, menjadikannya pilihan utama untuk penggunaan harian dan pendidikan. Gaya ini juga telah mempengaruhi bentuk tulisan moden yang digunakan dalam penerbitan buku, akhbar dan dokumen rasmi di negara-negara Islam sehingga hari ini. Dalam khazanah kaligrafi Islam, Thuluth berdiri sebagai satu lagi gaya utama yang mencerminkan kematangan estetika dan disiplin penulisan. Ia merupakan tulisan berciri hiasan dan dramatik, serta

kebanyakannya dilaksanakan dalam skala besar. Thuluth digunakan secara meluas dalam seni bina, khususnya pada dinding masjid, gerbang, mimbar dan syiling. Gaya ini dicirikan oleh garis menegak yang tinggi, lengkungan yang besar dan gabungan antara huruf yang saling bersilang. Menurut Derman et al. (1995), Thuluth memerlukan kemahiran tinggi dan kestabilan tangan kerana kerumitannya, justeru ia digunakan oleh kaligrafer profesional dalam konteks keagamaan dan persekitaran istana.

Gaya Diwani pula lahir dalam konteks pentadbiran Uthmaniyyah, berfungsi dalam penulisan dokumen rasmi, surat diraja dan edaran kerajaan. Bentuk hurufnya bersifat padat, halus dan tersusun rapat, menggambarkan kerahsiaan dan formaliti dalam komunikasi rasmi. Ia berkembang kepada Diwani Jali, iaitu versi yang lebih besar dan dihias indah dengan noktah serta titik yang membentuk corak visual. Diwani dianggap sebagai gaya yang berprestij dalam kalangan kaligrafer Turki Uthmaniyyah dan terus digunakan dalam pelbagai pameran dan karya kaligrafi moden. Dalam ruang peradaban Asia Selatan, gaya Nastaliq menempatkan dirinya sebagai antara bentuk kaligrafi yang paling menonjol dan terkenal. Ciri hurufnya yang condong ke bawah, beralun lembut dan penuh keanggunan bukan sahaja membentuk identiti visual yang tersendiri, malah menjadi medium utama dalam pengungkapan tradisi kesusasteraan Parsi dan Urdu, khususnya melalui manuskrip-manuskrip klasik yang sarat dengan nilai intelektual dan estetika. Gaya ini membawa nuansa puisi dan *romantisme*, berbeza daripada gaya-gaya Arab yang lebih bersifat formal dan monumental. Sehingga kini, gaya Nastaliq masih digunakan dalam penerbitan buku Parsi dan seni lukisan huruf di wilayah Iran, Pakistan dan Kashmir.

Seiring dengan arus perkembangan semasa, kaligrafi Islam juga telah berkembang dalam bentuk kontemporari yang lebih bebas, eksperimental dan merentas disiplin seni. Dalam konteks ini, sebahagian karya moden menampilkan pendekatan inovatif seperti *muthanna* (penulisan cermin), integrasi tipografi digital, serta penggunaan media campuran seperti lukisan, cetakan dan instalasi. Pameran seperti *Nun Wa Al Qalam* (2013) di MKIM memperlihatkan bahwa kaligrafi Islam telah melangkaui bentuk tradisional, dan diterima sebagai sebahagian daripada wacana seni kontemporari Islam yang bersifat global. Oleh yang demikian, gaya dan bentuk kaligrafi Islam mencerminkan dinamika hubungan antara seni dan agama, antara tradisi dan inovasi. Ia bukan sekadar warisan visual, tetapi juga membentuk jati diri budaya Islam yang merentas masa dan tempat. Dalam konteks koleksi Muzium Kesenian Islam Malaysia (MKIM), kepelbagaian gaya kaligrafi ini dapat disaksikan secara jelas, sekali gus memperlihatkan kekayaan tradisi kesenian Islam dalam bentuk yang tersusun, indah dan penuh makna.

Penerbitan dan Dokumentasi Kaligrafi oleh MKIM

Muzium Kesenian Islam Malaysia (MKIM) merupakan institusi penting yang berperanan besar dalam mendokumentasikan dan menerbitkan bahan berkaitan seni kaligrafi Islam. Sejak penubuhannya pada tahun 1998, MKIM telah memamerkan komitmen yang konsisten dalam mengangkat martabat warisan kesenian Islam, khususnya dalam bidang seni tulisan Arab. Kaligrafi dianggap sebagai seni suci dalam Islam, dan oleh itu, usaha dokumentasi dan penerbitan yang dilakukan oleh MKIM tidak hanya bersifat arkib, malah mencerminkan usaha pendidikan, pemuliharaan, dan pemasyarakatan ilmu yang signifikan. Sebahagian besar koleksi kaligrafi yang dipamerkan di MKIM datang daripada pelbagai kawasan dunia Islam seperti Timur Tengah, Parsi, Asia Selatan, dan Asia Tenggara. Koleksi ini merangkumi pelbagai medium termasuk manuskrip al-Qur'an, helaian mushaf, panel kayu, logam hiasan, tekstil bertulis, serta karya kontemporari. Bagi memastikan akses kepada maklumat dan nilai koleksi ini dapat diluaskan, MKIM telah menghasilkan pelbagai bentuk penerbitan rasmi dalam bentuk

katalog pameran, buku koleksi, risalah pameran, dan monograf ilmiah. Penerbitan ini bukan sahaja memuatkan gambar beresolusi tinggi setiap objek, tetapi juga menghuraikan konteks sejarah, teknik penghasilan, gaya tulisan, dan makna rohani di sebalik setiap karya.

Antara penerbitan penting MKIM ialah *Nun Wa Al Qalam: Contemporary Muslim Calligraphy* (2013) yang menghimpunkan karya kaligrafi kontemporari daripada seniman Islam seluruh dunia. Penerbitan ini bukan sahaja memperlihatkan ekspresi moden dalam seni kaligrafi, malah menggambarkan kesinambungan antara bentuk klasik dan pendekatan percubaan yang muncul dalam abad ke-21M. Selain itu, buku *Introduction to Islamic arts calligraphy: The collection of the Islamic Arts Museum Malaysia* yang dinukilkan oleh Barakat (2016), menyediakan penerangan komprehensif tentang sejarah kaligrafi, tokoh penting, gaya tulisan, dan prinsip artistik kaligrafi Islam dari zaman awal hingga kini. Makalah tersebut juga menampilkan koleksi eksklusif MKIM yang dipilih daripada koleksi manuskrip, panel dan objek sejarah yang jarang dipamerkan kepada umum. MKIM juga menerbitkan katalog khusus untuk gaya tulisan tertentu seperti *The Diwani-Jaly Diwani-Riq'a Mashqs* (2003) yang menampilkan secara komprehensif sejarah dan teknik kaligrafi Diwani yang berkembang semasa era Uthmaniyyah. Dokumentasi ini penting bagi pemeliharaan bentuk tulisan yang unik serta sebagai rujukan bagi kaligrafer muda dan penyelidik seni Islam. Tambahan pula, MKIM turut meneliti aspek teknikal dalam penghasilan kaligrafi seperti bahan dakwat, jenis kertas, *qalam* (alat menulis) serta peranan bengkel penulisan tradisional. Semua maklumat ini disusun secara sistematik dalam penerbitan rasmi dan menjadi sumber sahih dalam kajian akademik berkaitan kaligrafi.

Dalam konteks pengurusan dokumentasi, MKIM telah melaksanakan pendekatan yang teratur melalui sistem kuratorial yang disokong oleh katalog digital, pameran maya dan pangkalan data koleksi. Maklumat berkaitan setiap objek kaligrafi dimasukkan ke dalam sistem Online Public Access Catalog (OPAC) yang membolehkan penyelidik, pelajar dan pengunjung mengakses maklumat lengkap tentang asal usul, sejarah latar belakang, teknik penghasilan dan nilai artistik setiap karya kaligrafi tersebut. Pendigitalan ini selari dengan perkembangan teknologi maklumat dalam pengurusan warisan budaya dan menjadi wacana arus pemodenan kepada institusi lain di peringkat serantau. Secara tuntas, usaha penerbitan dan dokumentasi yang dijalankan oleh MKIM telah membentuk satu ekosistem ilmu yang menggabungkan koleksi fizikal, penulisan ilmiah dan sistem pengurusan digital. Ia bukan sahaja berfungsi sebagai pemelihara khazanah kaligrafi Islam, malah sebagai pusat rujukan ilmiah dan pembelajaran yang penting bagi generasi kini dan akan datang. Dengan kekayaan koleksi dan mutu penyampaian maklumat yang sistematik, MKIM telah membuktikan peranannya sebagai pemegang amanah seni kaligrafi Islam di Malaysia dan rantau ini dalam pemeliharaan seni kaligrafi.

Kesimpulan

Seni kaligrafi Islam merupakan salah satu cabang seni teras dalam tamadun Islam yang berfungsi bukan sekadar sebagai wahana penulisan, malah sebagai medium representasi budaya, keilmuan dan kerohanian. Berdasarkan analisis yang dikemukakan dalam penulisan ini, dapat dirumuskan bahwa koleksi kaligrafi di Muzium Kesenian Islam Malaysia (MKIM) mencerminkan kepelbagaian paradigma estetik dan bentuk visual yang berkembang sejajar dengan pengaruh latar budaya, konteks geografi, serta dinamika pensejarahan Islam. Gaya-gaya kaligrafi seperti Kufi, Naskhi, Thuluth dan Diwani memperlihatkan hubungan simbiotik antara seni visual, epistemologi agama dan tradisi budaya setempat. Keunikan setiap gaya bukan sahaja menzahirkan kecanggihan tatacipta artistik, malah mengandungi dimensi spiritual yang mendalam, sekali gus membentuk warisan visual yang memanifestasikan identiti umat Islam merentas ruang dan zaman.

Sebagai institusi pemegang amanah warisan seni Islam, MKIM memainkan peranan strategik dalam aspek pengumpulan, pemeliharaan, pendokumentasian dan penyebaran khazanah kaligrafi Islam secara sistematik dan berwibawa. Melalui penerbitan ilmiah serta dokumentasi berasaskan pendekatan kuratorial yang tersusun, institusi ini memperlihatkan komitmen tinggi terhadap usaha pelestarian warisan seni Islam di samping menyediakan prasarana intelektual yang kondusif bagi penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran. Penulisan ini turut menegaskan bahawa kaligrafi Islam wajar difahami sebagai warisan intelektual dan simbolik yang menghubungkan sejarah pemikiran, struktur budaya dan nilai ketuhanan dalam Islam. Justeru, kepentingan kaligrafi Islam tidak harus dibataskan kepada dimensi ritual semata-mata, sebaliknya perlu ditanggapi sebagai khazanah seni dan budaya yang berfungsi sebagai medium perhubungan peradaban Islam dalam kerangka interaksi global dan wacana peradaban sejagat.

Penghargaan

Makalah ini ialah sebahagian daripada hasil kajian Geran Penyelidikan Islam, Fakulti Pengajian Islam: PP-2025-030, Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga Dana Intensif Penerbitan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rujukan

- Abdullah, A. H., Ibrahim, Y. & Badaruddin, M. I. (2021). Malay and Islamic traditions elements through the paintings of Mastura Abdul Rahman, Ruzaika Omar Basaree, and Haron Mokhtar. *Jurnal Pengajian Melayu*, 34(1), 15-27.
- Akın-Kıvanç, E. (2020). *Muthanna / Mirror Writing in Islamic Calligraphy: History, Theory, and Aesthetics*. Bloomington: Indiana University Press.
- Alani, G. (2001). *Calligraphie Arabe: Initiation*. Paris: Éditions Fleurus.
- Aslan, A. (2019). Kur'ân-ı Kerim ve Hz. Peygamber'in (s.a.v.) Arap dili üzerindeki etkileri. *Harran Üniversitesi İlahiyat Fakültesi Dergisi*, 42, 27-55.
- Atika, D. D. & Ginting, M. A. B. (2024). Kaligrafi sebagai seni budaya Islam dan arsitektur. *Jurnal Ekshis*, 2(2), 172-185.
- Barakat, H. N. (2016). *Introduction to Islamic Arts Calligraphy: The Collection of The Islamic Arts Museum Malaysia*. Kuala Lumpur: Islamic Arts Museum Malaysia.
- Barakat, H. N. (2023). *Alif Lam Ra: Contemporary Muslim Calligraphy*. Kuala Lumpur: Islamic Arts Museum Malaysia.
- Blair, S. S. (2006). *Islamic Calligraphy*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Butler-Wheelhouse, A. (2017). *The Rhythm of The Pen And The Art of The Book: Islamic Calligraphy from the 13th to the 19th Century*. Chipping Norton: Paul Holberton Publishing Ltd.
- Derman, M. U., Giray, K. & Eruz, F. B. (1995). *The Sabancı Collection: Calligraphy, Sculpture & Porcelain*. İstanbul: Akbank.
- Ekhtiar, M. D. (2018). *How to Read Islamic Calligraphy*. New York: The Metropolitan Museum of Art; Yale University Press.
- Gharipour, M. & Schick, I. C. (pnyt.). (2013). *Calligraphy and Architecture in the Muslim World*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Grube, E. J. (1976). *Calligraphy and the Decorative Arts of Islam*. London: Bluett & Sons Ltd.
- al-Hakim, S., Muzzen, M. & Abul Huda, S. N. (Pnyt.) (1999). *Calligraphy in the Arab and Islamic World (Fann al-Khat fi al-'Alam al-'Arabi wa al-Islami)*. Beirut: Society of the Friends of the A.U.B. Museum.
- Hamdy, B. (pnyt.) (2018). *Khatt: Egypt's Calligraphic Landscape*. London: Saqi Books.
- Hamidon, N. A. (2012). Islamic calligraphy in contemporary art of Malaysia (Vol. 1). Tesis Dr. Fal. Faculty of Fine Art and Design, Universiti Teknologi MARA.

- Honda, K. (1994). *An Exhibition of Islamic Calligraphy*. London: Bashir Mohamed Ltd.
- Karimzadeh Tabrizi, M. A. (1999). *Ijzat Nameh: The Most Unique and Precious Document in Ottoman Calligraphy*. London: t.tp.
- Khan, G. M. (2001). *Arabic Script: Styles, Variants, and Calligraphic Adaptations*. New York: Abbeville Press Publishers.
- Khatibi, A. & Sijelmassi, M. (1976). *L'art Calligraphique Arabe*. Paris: Chêne.
- Khatibi, A. & Sijelmassi, M. (2001). *The Splendor of Islamic Calligraphy*. London: Thames & Hudson.
- Massoudy, H. (2012). *The Calligrapher's Garden*. London: Saqi Books.
- McWilliams, M. & Roxburgh, D. J. (2007). *Traces of the Calligrapher: Islamic Calligraphy in Practice, c. 1600-1900*. Houston: The Museum of Fine Arts.
- Meidani, M. (2020). *Persian Calligraphy: A Corpus Study of Letterforms*. Thames: Routledge.
- Musée d'art et d'histoire. (1988). *Calligraphie Islamique - Textes Sacres et Profanes / Islamic Calligraphy - Sacred and Secular Writings*. Geneva: Musée d'art et d'histoire and Treasures of Islam.
- Serikoff, N. (pnyt.) (2007). *Islamic calligraphy from the Wellcome Library*. Chicago: Serindia Publications Inc.
- Siddiqui, I. A. (2012). *Allama bil Qalam: Arabic Calligraphy in Pakistan*. Consulate General of Pakistan & Darussalam.
- Tamimi, M. (2003). *The Diwani-Jaly Diwani-Riq'a Mashqs by M. Halim Özyazıcı*. Istanbul: IRCICA.
- Verma, R. & Syed Iskandar, S. M. K. (2013). *Nun wa al Qalam: Contemporary Muslim Calligraphy - The Collection of The Islamic Arts Museum Malaysia*. Kuala Lumpur: Islamic Arts Museum Malaysia.
- Yaghan, M. A. J. (2020). Mathematical concepts in Arabic calligraphy: The proportions of the 'Alif. *PLoS ONE*, 15(5), e0232641.